

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI**

**KAWASAN : KUDAT**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2015, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI (KUDAT) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status pelaksanaan projek lebuhraya transborneo bagi sektor negeri Sabah. Berapakah anggaran perbelanjaan projek ini dan siapakah juru perunding dan kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan projek ini.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah akan dilaksanakan sebagaimana konsep pembinaan MRT, iaitu Kerajaan akan melantik kontraktor utama sebagai rakan pelaksana projek ('project delivery partner' – PDP) manakala pelaksanaan projek pula akan dipecahkan kepada beberapa pakej untuk ditender. Pembiayaan projek ini akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan melalui Danalnfa Nasional Berhad, iaitu anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan.

Skop projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah ini melibatkan naik taraf jalan Pan Borneo yang sedia ada. Manakala kos projek pula belum dimuktamadkan dan tertakluk kepada reka bentuk terperinci projek di mana ia akan diteliti dalam bengkel pengurusan nilai (VM). Pada masa kini rundingan antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang berkepentingan sedang di adakan untuk memuktamadkan perjanjian, khususnya melibatkan aspek teknikal dan kewangan. Oleh itu maklumat mengenai kontraktor dan juru perunding yang akan melaksanakan projek ini belum lagi diputuskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perancangan, perjanjian konsesi Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dijangka akan dimeterai pada akhir tahun ini. Manakala pembinaan fizikal pula dijangka akan dimulakan pada tahun 2016 dengan tempoh siap ialah antara 6 hingga 8 tahun.

Sekian. Terima kasih.